

ISSUE #44/13 JULAI 2025

GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



PRESTASI PEMAIN MUDA DIPUJI,

Datuk Rashid Sidek

IMBAS DETIK GEMILANG TAHUN 1992



"SAYA TENGOK PERKEMBANGAN BADMINTON SEKARANG BAGUS" - DATUK RASHID SIDEK

Jasa dan pengorbanan wira lagenda negara, Datuk Rashid Sidek terhadap arena sukan badminton cukup besar kepada negara.

Meskipun bintang lagenda itu sudah bersara daripada sukan berkenaan namun khidmat dan kepakarannya masih diperlukan skuad badminton negara.

Bercakap mengenai prestasi badminton kini, Rashid melahirkan rasa bangga dan puas hati terhadap prestasi semasa pemain-pemain badminton kebangsaan yang dilihat semakin menunjukkan peningkatan di pentas antarabangsa.

Bekas jaguh perseorangan negara itu juga mengakui mengikuti rapat perkembangan semasa sukan badminton tanah air, dan optimis dengan masa depan cerah yang sedang dibentuk oleh barisan pemain muda.

"Saya tengok perkembangan badminton sekarang memang bagus, nampak peningkatan daripada pemain-pemain kebangsaan.

"Mereka juga banyak dapat kejuaraan antarabangsa dan seterusnya saya rasa peningkatan tu akan terus berpanjangan," ujarnya kepada Gempak.

Malah Rashid, yang pernah menjadi tonggak utama Malaysia dalam era 90-an, turut menitipkan harapan agar para pemain kekal fokus menjelang kejohanan besar yang akan datang, termasuk kelayakan Olimpik dan kejohanan dunia.

Beliau turut menyentuh kepentingan sokongan berterusan daripada badan induk sukan, jurulatih, serta peminat untuk memastikan prestasi cemerlang dapat dikekalkan secara konsisten.

"Saya harap pemain-pemain semua akan terus fokus untuk menghadapi kejohanan kejohanan yang lebih besar dan mengharumkan nama negara," ujarnya

Rashid sebelum ini dikenali sebagai antara ahli keluarga Sidek yang mewarnai sejarah badminton Malaysia, bersama-sama adik-beradiknnya yang lain seperti Misbun, Razif, Jalani dan Rahman Sidek.

Kenangan Piala Thomas 1992

Mengenang kembali momen bersejarah legenda badminton negara ini, Rashid berkata antara detik paling manis sepanjang kerjayanya sebagai pemain badminton profesional adalah ketika berjaya menjulang Piala Thomas 1992 serta meraih pingat Gangsa di Sukan Olimpik Atlanta 1996.

"Sepanjang dalam kerjaya badminton saya, kenangan yang paling manis adalah salah satunya menjulang Piala Thomas dan juga mendapatkan pingat Gangsa di Sukan Olimpik Atlanta 1996," kongsi.

Menjadi antara tonggak utama skuad badminton negara era 1990-an, Rashid juga berkongsi tentang semangat pasukan pada ketika itu.

Rashid menekankan betapa pentingnya sokongan moral dan kerjasama dalam satu pasukan terutama sekali dalam menghadapi detik-detik sukar.

"Semangat berpasukan, tolong antara pasukan, kalau ada pemain rasa down, beri sokongan untuk bagi semangat balik kepada pemain itu.

"Sebab di dalam cabaran Piala Thomas 1992, kita pernah kalah dalam peringkat kumpulan dengan Korea.

"Daripada kekalahan itu macam mana kita nak bangkit kembali? Jadi kita, satu kumpulan kena beri sokongan moral kepada pemain kita.

"Sudah tentu yang kalah itu akan berasa down, bukan senang nak pulihkan semangat balik untuk bersedia ke perlawanan seterusnya," jelasnya.



"Saya Menangis Kena Marah Dengan Arwah Bapa"

Dalam pada itu, Rashid turut berkongsi satu kenangan peribadi yang cukup menyentuh hati bersama arwah bapanya, Sidek Abdullah Kamar, yang juga merupakan insan penting di sebalik kejayaannya dalam dunia badminton.

Rashid mendedahkan bagaimana sifat tegas arwah bapanya dalam melatih anak-anak telah membentuk siapa dirinya hingga ke hari ini.

"Sepanjang saya dengan bapa mengajar saya yang paling tak boleh dilupakan adalah ketika dia marah saya," katanya membuka bicara.

Kongsi Rashid, kenangan itu berlaku ketika beliau berusia 12 tahun dan sedang menjalani sesi latihan badminton bersama arwah dalam format beregu.

"Saya dimarahi ketika bermain badminton beregu bersamanya. Dia memberi tunjuk ajar pada saya. Masa itu umur saya baru 12 tahun.

"Dia rasa saya sudah bagus, tetapi masih banyak lagi yang perlu saya perbetulkan. Jadi bila dia marah, saya menangis.

"Dalam menangis itu saya masih tetap main sehingga perlawanan bersamanya habis. Jadi itulah salah satu kenangan saya bersama arwah yang tak boleh dilupakan," ujarnya.



Pempengaruh ‘Tunggang’ Popular Media Sosial Sebar Negativiti

Penggunaan media sosial bukan hal tabu dalam kalangan penduduk dunia. DataReportal melaporkan sebanyak 28.68 juta pengguna media sosial di Malaysia sepanjang tahun 2024. Malah dalam kalangan pengguna media sosial, ada yang merupakan influencer atau pempengaruh. Namun beberapa tahun kebelakangan ini, ramai kalangan pempengaruh menggunakan populariti di media sosial ke arah negatif sehingga ada yang ditangkap kerana melakukan jenayah.

Berikut tiga kes pempengaruh yang mengejutkan rakyat Malaysia kerana menyifatkan penampilan dan perkongsian yang dikongsi mempunyai ‘udang di sebalik batu’.



Usahawan salun edar 20kg Pil Kuda

Akhir bulan lalu negara dikejutkan dengan kejayaan pihak polis menumpaskan sindiket dadah jenis pil kuda yang cukup besar di Kelantan. Apa yang menariknya, kegiatan jenayah ini antaranya didalangi oleh seorang pempengaruh yang sering menayang kemewahan hidup di media sosial. Jenayah itu dilakukan bersama suami dan beberapa individu lain.

Menurut kronologi kes, tertuduh terdiri daripada Nur Ayu Fatimah Zaudi, 34, dan suami, Mohd Faizal Ismail, 35, serta tiga yang lain Mohd Khairu Azani Mohd Lawi, 39; Mohamad Farid Ismail, 33, dan Mohamad Asmawi Janudin, 25 tahun didakwa di Mahkamah Majistret atas tiga pertuduhan mengedar lebih 20 kilogram (kg) dadah jenis pil kuda di Kampung Banggol Chicha,

Antara bukti yang ditemui polis adalah 115 gram dadah jenis methamphetamine yang dijumpai di dalam sebuah kereta Perodua Axia, 112 gram dadah jenis methamphetamine di sebuah rumah selain kelima-limanya didakwa mengedar 19,866 gram dadah jenis methamphetamine di sebuah kandang lembu belakang rumah di Kampung Banggol Chicha.



CEO Batu Tunjuk Kemaluan

Sangat terkenal di aplikasi TikTok dengan perkongsian bermanfaat, netizen terkejut apabila mengetahui keburukan dan salah laku yang telah dibuat oleh pempengaruh dengan nama glamor CEO Batu. Pempengaruh dengan nama sebenar Iqbal Muhammad, 22, didakwa di Mahkamah Sesyen Ampang atas pertuduhan menunjukkan kemaluannya kepada gadis berusia 13 tahun dua bulan lalu.

CEO Batu didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal terhadap kanak-kanak itu dengan menunjukkan kemaluannya atas niat untuk dilihat mangsa di Sunway Batu Caves sekitar 1.16 pagi 16 Mei lalu. Iqbal didakwa mengikut Seksyen 15(a)(i) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017, yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun, denda tidak lebih RM20,000 atau keduanya, jika sabit kesalahan.

Lelaki yang disifatkan sebagai cukup menjaga tutur kata dan sopan bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.



Alif Teega, Aisyah Selewang Dana

Tahun lalu nama pasangan pempengaruh Alif Teega dan Aisyah Hijanah menjadi ‘panas’ selepas dipercayai terlibat dengan salah guna dana awam. Alif dan Aisyah telah ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa untuk mendapatkan rasuah, bermula 2022 lalu. Ia susulan, tular di media sosial mengenai seorang pempengaruh yang dikatakan mengambil komisen daripada kutipan derma, dengan peratusan yang tinggi.

Selain itu, pasangan itu juga dikatakan hidup dalam kemewahan sehingga menimbulkan pelbagai tanda tanya daripada warga siber. Bagaimanapun, pasangan itu tampil dan menafikan semua dakwaan penyelewengan dan pecah amanah.

Mereka didakwa dengan dua pertuduhan salah guna harta bagi program infaq iftar di Mekah, Syria dan Palestin serta korban, berjumlah RM63,605.48 pada April serta Jun tahun lalu. Pasangan suami isteri itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah.

- MALIAH SURIP

FFM34 Perkenal Kategori Baharu, Angkat Tema 'Karya Kreatif, Sinema Dinamik'

Festival Filem Malaysia ke-34 (FFM34) kembali tahun ini dengan memperkenalkan kategori baharu iaitu Anugerah Aksi & Lagak Ngeri Terbaik, bagi menghargai keberanian dan profesionalisme dalam adegan aksi.

Menurut Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching, kategori tersebut diwujudkan susulan peningkatan kualiti dan nilai tontonan filem aksi tempatan.

Pemenang akan membawa pulang trofi khas dan wang tunai RM5,000.

Sebanyak 30 kategori dipertandingkan tahun ini termasuk Filem Terbaik, Pengarah Terbaik, Pelakon Lelaki & Wanita Terbaik, serta Anugerah Khas Filem Box Office.

Ini adalah senarai kategori yang dipertandingkan:

1. Filem Terbaik
2. Pengarah Terbaik
3. Pelakon Lelaki Terbaik
4. Pelakon Wanita Terbaik
5. Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik
6. Pelakon Pembantu Wanita Terbaik
7. Pelakon Kanak-Kanak Terbaik
8. Pengarah Harapan
9. Pelakon Lelaki Harapan
10. Pelakon Wanita Harapan
11. Cerita Asal Terbaik
12. Lakon Layar Terbaik
13. Sinematografi Terbaik
14. Penyunting Terbaik
15. Penataan Bunyi Terbaik
16. Penataan Seni Terbaik
17. Kesan Khas Visual Terbaik
18. Skor Muzik Terbaik
19. Lagu Tema Terbaik
20. Tatarias/ Solekan Terbaik
21. Rekaan Kostum/ Busana Terbaik
22. Poster Terbaik
23. Filem Pendek Terbaik
24. Dokumentari Terbaik
25. Anugerah Khas Karyawan
26. Anugerah Khas Sepanjang Zaman
27. Anugerah Khas Juli 1
28. Anugerah Khas Juli 2
29. Anugerah Aksi & Lagak Ngeri Terbaik (kategori baharu)
30. Anugerah Khas Filem Box Office

Penyertaan dibuka dari 8 hingga 18 Julai 2025 untuk karya terbitan 1 Julai 2024 hingga 30 Jun 2025.

Mengangkat tema 'Karya Kreatif, Sinema Dinamik', FFM34 meraikan keberanian dalam penceritaan dan evolusi sinema tempatan.

Majlis anugerah akan berlangsung pada 8 November 2025 di Auditorium Seri Angkasa, Angkasapuri, Kuala Lumpur.


FESTIVAL FILEM MALAYSIA





Pengarah: Ahmad Idham
Pelakon: Arfie Shah, Eizlan Yusof,
Zul Huzaimy, Nelissa Nizam
Genre: Aksi

Rudy bekerja di pusat permotoran bernama APDCREW untuk menyertai dunia permotoran dan belajar tentang sukan drift profesional. Dia mula berkawan dengan Gia namun sering dihalang orang teman lelakinya, Rio. Ray yang berdendam terhadap Abang Joe, mencabarnya untuk meletakkan Rudy dalam pertandingan drift. Ray menetapkan syarat sekiranya Abang Joe menang, dia akan menghapuskan segala hutang Rudy, tetapi sekiranya kalah, Abang Joe perlu menyerahkan APDCREW. Abang Joe bersetuju dengan syarat mereka juga perlu meletakkan Rio sebagai wakil di pertandingan tersebut. Siapa yang akan memenangi pertandingan itu? Berjaya atau tidak Abang Joe mengekalkan APDCREW?



Pengarah: Tom Lin
Pelakon: Lana Condor, Andrew Koji,
Ross Butler
Genre: Komedi/Romantik

Cerita ini mengisahkan percintaan yang mula berputik antara Leah, seorang pembantu hospital, dan Kai, seorang ahli perniagaan, yang menjadi rumit apabila Kai kembali ke Kuala Lumpur.

Dalam masa yang sama, watak-watak lain berdepan kesedihan akibat kehilangan seorang anak, manakala sepasang pasangan muda pula diuji dengan dugaan dalam hubungan mereka. Filem ini turut menyelami hubungan antara bekas pasangan selebriti dan pasangan muda lain yang berdepan tekanan apabila hubungan mereka diperhatikan oleh seorang penjaga yang terlalu melindungi.



Pengarah: Tak Se-Woong
Pelakon: Joo Hyun-Young, Jeon Bae-Soo, Choi Bo-Min, Kim Ji-In,
Kim Woo-Kyum
Genre: Seram/Misteri

Da-Kyung, seorang YouTuber seram yang terdesak untuk meraih tontonan, menyiasat misteri di sebalik siri kehilangan misteri yang dikaitkan dengan Stesen Gwangrim. Usahanya untuk membongkar kebenaran membawanya terjerumus ke dalam rentetan peristiwa mengerikan yang akhirnya membuka rahsia gelap stesen tersebut.

Amira Othman Masih Mendunia, Dominasi Tiga Kategori GMW

Amira Othman masih mengungguli senarai trending minggu ini apabila menduduki tangga pertama bagi Video Muzik Trending (Dalam Sujudku), Lagu Trending (Bila Nak Kahwin?) dan Selebriti Trending, menjadikannya nama paling menonjol ketika ini.

Dalam dunia pencipta kandungan digital, antara yang paling menyerlah ialah Hakim Nanyan (Sukan), Norrisham (Foodie), Zuly Ali (Hiburan) dan Ahmad Salam (Kecantikan & Fesyen).

Amelia Henderson pula muncul sebagai Hos Program Digital Trending No.1, mengatasi nama-nama besar lain seperti Nana Mahazan dan Khairy Jamaluddin.

Bagi kategori drama, Honey Minta Maaf menjadi pilihan utama penonton, diikuti Dia Bukan Syurga dan Honey Trap.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11.30 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Jadi, teruskan mengundi calon kesayangan anda!

Undian setiap kategori boleh dilakukan di laman rasmi www.gempakmostwantedawards.com bermula sekarang.



Semak ranking semasa GMW minggu ini!

TOP 5 Video Muzik Trending

1. Dalam Sujudku - Amira Othman
2. MWA! - DOLLA
3. Kerana Ego - Khai Bahar
4. One More Time - KRU
5. Anak Raja - De Fam

TOP 5 Digital Creator Trending (Sports)


1. Hakim Nanyan
2. Stormie
3. Padil
4. Rippo Kun
5. Aqil Farhan

TOP 5 Digital Creator Trending (Foodie)

1. Norrisham
2. Darus Lantak
3. Jason
4. Isaac Osman
5. Sofiaa Marieylla

TOP 5 Digital Creator Trending (Entertainment)

1. Zuly Ali
2. Adam Bakery
3. Achik Mael
4. The Pretty Mamas
5. Ki Misri



'Sayang' Filem Kolaborasi Malaysia-Taiwan

Sayang ialah sebuah filem cereka sulung arahan pengarah Taiwan, Tang Hsiang-Chu, yang sebelum ini pernah memenangi Anugerah Dokumentari Terbaik di Golden Horse Awards. Menggabungkan kerjasama produksi antara Malaysia dan Taiwan, filem ini diterbitkan oleh More Entertainment dan IS Entertainment dengan sokongan pelbagai agensi serta pelabur dari kedua-dua negara.

Mengangkat kisah tiga remaja dari latar belakang berbeza yang membesar di Pantai Timur, penggambaran berlangsung selama 40 hari di Kelantan dan Terengganu, dengan barisan pelakon dari Malaysia, Taiwan dan India.

Bertemakan perpaduan budaya dan kasih sayang, Sayang digambarkan sebagai 'surat cinta kepada Malaysia' dan telah mendapat pengiktirafan awal menerusi anugerah skrip cemerlang dan penyertaan dalam Golden Horse Film Project Promotion. Filem ini dijangka ditayangkan di pawagam dan festival antarabangsa pada tahun 2026.



Ramai Masih Geram dengan Tajul! Watch Party 'Dia Bukan Syurga' Meriah

Drama Dia Bukan Syurga terus mencetus fenomena tersendiri apabila episod ke-31 ditayangkan dalam sebuah majlis watch party bertemakan Wayang Pacak yang berlangsung meriah di Studio Village, Bukit Jalil pada malam Rabu lalu.

Majlis tayangan itu dimeriahkan dengan kehadiran pelakon utama antaranya Niezam Zaidi, Shahrul Kamal, Syazuwan Hassan, Qazem Nor dan Zizi Hazirah yang turut sama menyaksikan tayangan bersama peminat.

Lebih menarik, ramai hadirin tampil berpakaian tradisional seperti kain pelikat dan batik mengikut tema acara.

Selain menonton bersama, dua peminat bertuah turut menerima hadiah eksklusif berupa novel asal Dia Bukan Syurga karya Rissa Ahdiya yang menjadi inspirasi kepada naskhah arahan Rashid Sibir itu.

Sepanjang tayangan berlangsung, penonton dilihat memberikan reaksi penuh emosi terhadap jalan cerita yang semakin mencabar dan konflik watak yang makin memuncak.

Permintaan Peminat Ditunaikan! Siti Nurhaliza Bawakan Lagu Rare di Konsert Violet Skies

Biduanita Negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza sekali lagi menghiburkan para peminat menerusi Konsert Violet Skies Datuk Seri Siti Nurhaliza Live in Arena of Stars

Menariknya, konsert kali ini tampil dengan kelainan apabila Siti memilih untuk menyampaikan lagu-lagu yang jarang atau tidak pernah dipersembahkan di mana-mana pentas sebelum ini.

Menurut Siti atau nama sebenarnya Siti Nurhaliza Tarudin, 46, pemilihan lagu-lagu tersebut dibuat khas berdasarkan permintaan para peminat yang sering menghubunginya melalui media sosial.

"Lagu-lagu ini peminat selalu DM saya, minta saya nyanyikan.... Jadi malam ini saya tunaikan permintaan anda semua," katanya.


Selama dua malam penganjuran, Siti mempersembahkan hampir 25 buah lagu termasuk Pendirianku, Usah Diragui, Tak Rela Berpisah Darimu, Tak Boleh Lupa, dan Kita Kan Bersama.

Dalam pada itu, Siti turut mengumumkan akan memberi fokus kepada penghasilan album penuh tradisional yang dijangka siap pada hujung tahun ini dan diikuti dengan konsert tradisional terbesarnya yang dijadualkan berlangsung pada tahun hadapan.

Konsert istimewa itu turut dimeriahkan dengan kehadiran rakan-rakan artis terkenal seperti Datuk Seri Rossa, Melly Goeslaw, Nadia Brian, dan Aina Abdul.

Terdahulu, Konsert Violet Skies Datuk Seri Siti Nurhaliza Live in Arena of Stars berlangsung selama dua hari iaitu 5 dan 6 Julai di Genting Highlands.

Selain itu, penyanyi jemputan Noh Salleh turut membuat penampilan istimewa dengan berduet bersama Siti menyampaikan tiga buah lagu: Rahsia Tuhan, Pagi Yang Gelap, serta lagu klasik Indonesia, Bengawan Solo.





Financial Faiz

@financialfaiz



OPR Turun Mungkin Baik Untuk Peminjam Tapi Untuk Pelabur Bagaimana?

Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengumumkan penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebagai satu usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Namun, apakah kesan langsungnya kepada rakyat Malaysia, sama ada sebagai peminjam, penyimpan atau pelabur?

Menurut pendidik kewangan, Faiz Azmi penurunan OPR secara langsung memberi keuntungan buat mereka yang mempunyai pinjaman berdasarkan kadar faedah berubah (floating rate loan) seperti pinjaman rumah atau peribadi.

Bagaimanapun, Faiz menasihatkan peminjam agar tidak terus menurunkan komitmen bulanan mereka sebaliknya mengekalkan amaun pembayaran seperti biasa.

"Kalau anda banyak pinjaman, ini mungkin berita baik. Jumlah interest yang kena bayar akan berkurangan dan installment bulanan boleh jadi lebih rendah.

"Tapi kalau installment RM4,000 turun jadi RM3,500, jangan bayar RM3,500. Bayar saja RM4,000. Bila OPR naik semula nanti, you dah bersedia," katanya.


Bagi penyimpan yang meletakkan wang dalam instrumen seperti Fixed Deposit (FD) atau Amanah Saham Bumiputera (ASB), OPR yang rendah mungkin bukan berita gembira.

Malah menurut Faiz, penurunan OPR ini juga boleh memberi kesan kepada pasaran buat pelabur.

"Kalau you jenis suka simpan duit dalam FD, dalam ASB, ini berita pahit sikit. Return boleh jatuh.

"Bila OPR turun, pelabur luar mungkin tarik balik modal. Akan ada capital outflow, ringgit terjejas dan market jadi lebih sendu," ujarnya.

**OPR
TURUN
2,75 peratus**






Love Meets Loss In Penang

A touching moment between two Malaysian families went viral when a wedding and a funeral crossed paths in Penang.

The bride and groom were on their way to the groom's house when they respectfully stopped and allowed a funeral procession to pass. The groom even stepped out of the car to offer condolences.

This kind gesture moved the grieving family, who thanked the couple for their respect. The moment, captured on video, touched many online as a beautiful example of empathy and unity.



Pay Nafkah Or Lose Assets

The Selangor state government is considering taking stricter action against husbands who refuse to pay court-ordered child or spousal support (nafkah), including seizing their assets or holding their income.

This comes after concerns about women and children being left financially vulnerable when support payments are ignored.

The proposal is still under discussion and aims to strengthen enforcement and protect affected families.



30 Squats For 50 Sen

A student at a secondary school in Terengganu was punished with 30 squats for failing to pay a 50 sen fine related to classroom cleanliness.

The incident gained attention after the student's mother shared her frustration on Facebook, saying her child felt embarrassed and was in pain. The Terengganu State Education Department is now investigating and has assured that appropriate action will be taken if any misconduct is found.

Read more at www.rojakdaily.com